



## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

### KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/80/2016

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **040102 (Makanan dan Minuman – Tin, Botol dan Bungkus)** yang masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

**“MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN AIR MINUMAN (MINERAL) BAGI  
KEGUNAAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2017/2018”**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman Portal Rasmi Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang**.
3. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **05 Disember 2016 ( Isnin ) bermula jam 9.00 pagi**.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 19 Disember 2016 ( Isnin ) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos

berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima manapun tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

6. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang

## SPESIFIKASI

Bil.	Perihal Bekalan / Syarat-Syarat Khas	Anggaran Kuantiti Maksimum bagi <b>Satu (1) tahun</b>	Anggaran Kuantiti Maksimum bagi <b>Dua (2) tahun</b>
1	Air Mineral Cawan 230ml (Jenama Spritzer atau setara dengannya) <ul style="list-style-type: none"> <li>- 24 cawan air mineral dalam satu kotak berserta dengan penyedut minuman.</li> <li>- air mineral cawan perlu mendapatkan status halal dari JAKIM.</li> <li>- air mineral cawan juga perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.</li> </ul>	1,200 Kotak	2,400 Kotak
2	Air Mineral Botol 600ml (Jenama Spritzer atau setara dengannya) <ul style="list-style-type: none"> <li>- 24 botol air mineral dalam satu kotak .</li> <li>- air mineral botol perlu mendapatkan status halal dari JAKIM.</li> <li>- air mineral botol juga perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.</li> </ul>	120 Kotak	240 Kotak

1. Penyebut Harga diwajibkan untuk mengemukakan sampel bagi setiap item sepertimana yang dicadangkan dalam tawaran sebut harga tanpa sebarang kos akan dijelaskan oleh PSUKPP. Semua sampel yang diserahkan tidak akan dipulangkan dan ianya menjadi hak milik PSUKPP.
2. Kuantiti Bekalan Air Minuman yang dinyatakan dalam Jadual di atas adalah **anggaran maksimum** yang diperlukan bagi tempoh yang ditetapkan. Kuantiti sebenar perolehan akan ditentukan setiap bulan berdasarkan Pesanan Tempatan yang akan dikeluarkan kepada pihak syarikat.

3. Pihak syarikat **WAJIB** membuat pembekalan dan penghantaran secara bulanan dalam masa **14 HARI** dari tarikh **Pesanan Tempatan (LO)** dikeluarkan kepada **syarikat** mengikut keperluan bulanan.
4. Semua Bekalan Air Minuman hendaklah mengikut **spesifikasi dan juga jenama yang dikehendaki** seperti di jadual di atas atau barang yang setara dengannya.
5. Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan. **Jaminan mutu / tarikh luput selama dua belas (12) bulan dari tarikh penerimaan Bekalan Air Minuman.** Sekiranya jaminan tidak ditepati, Bekalan Air Minuman hendaklah diganti oleh syarikat tanpa sebarang kos.
6. Penyebut harga perlu menyatakan dengan jelas jenama Air Minuman (Mineral) yang akan ditawarkan pada Borang Sebut Harga Lampiran Q (Lampiran H) dan Borang Asas Perkiraan Harga (Lampiran I).
7. Kerajaan boleh menerima tawaran harga secara keseluruhan bilangan item atau sebahagian bilangan item yang ditawarkan oleh Penyebut Harga di Lampiran H.
8. Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa sama pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
9. Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
10. Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
11. Sampel Bekalan Air Minuman yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
12. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan surat akuan daripada pengeluar produk bagi menjamin kualiti barang.
13. Penyebut harga hendaklah mengemukakan tawaran kepada semua item-item yang diperlukan. Kegagalan dalam menawarkan salah satu item tersebut akan **mengakibatkan tawaran sebut harga tidak dipertimbangkan.**
14. Penyebut harga yang terpilih sebagai pembekal perlu mengemukakan invoice berdasarkan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan di dalam jadual pelaksanaan perjanjian kontrak untuk proses bayaran. Jumlah yang tercatat di dalam kontrak adalah jumlah maksimum dan jumlah sebenar akan ditentukan oleh kualiti/kuantiti perkhidmatan yang disediakan (termasuk pemotongan di atas ketidakpatuhan kontrak, jika berkaitan).

**JADUAL PENGHANTARAN BEKALAN SECARA BULANAN  
(ANGGARAN KUANTITI MAKSIMUM YANG DIPERLUKAN)**

Bil.	Bulan	Air Mineral Cawan 230ml	Air Mineral Botol 600ml
1	Januari	100	10
2	Februari	100	10
3	Mac	100	10
4	April	100	10
5	Mei	100	10
6	Jun	100	10
7	Julai	100	10
8	Ogos	100	10
9	September	100	10
10	Oktober	100	10
11	November	100	10
12	Disember	100	10
<b>JUMLAH</b>		<b>1,200</b>	<b>120</b>

**Nota :**

- 1) Anggaran kuantiti bekalan air mineral secara bulanan ini adalah berdasarkan kuantiti maksimum yang akan ditempah secara bulanan kepada pembekal. Walau bagaimanapun, Pesanan Tempatan akan dikeluarkan kepada pembekal secara bulanan mengikut keperluan sebenar bekalan air mineral setiap bulan.
- 2) Kerajaan boleh menerima tawaran harga secara keseluruhan bilangan item atau sebahagian bilangan item yang ditawarkan oleh Penyebut Harga di Lampiran H.
- 3) Tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan TANPA kenaan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST).